

Nationwide sedia khidmat penghantaran farmaseutikal

Nationwide Express Courier Services Bhd, muncul sebagai syarikat pertama tempatan yang menyediakan perkhidmatan penghantaran khusus farmaseutikal (PDD) ke seluruh negara.

Pengarah Urusannya, Rozi-lawati Basir (**gambar**), berkata perkhidmatan baru itu khusus untuk menyediakan penyelesaian kepada lonjakan keperluan perkhidmatan penghantaran barangan yang sensitif suhu dan rangkaian sejuk beku tempatan.

Katanya, PDD akan mem-

bantu pelanggan menepati standard Amalan Pengedaran Terbaik (GDP) ditetapkan Kementerian Kesihatan bagi memastikan storan, pengangkutan dan pengedaran yang digunakan mampu memelihara kualiti produk berdaftar seperti kosmetik dan farmaseutikal.

"Kami memiliki ramai pelanggan terkemuka dalam industri farmaseutikal, justeru sejajar dengan keperluan GDP, kami bersedia bekerjasama dengan pelanggan untuk menyediakan penyelesaian per-

khidmatan yang mampu memenuhi standard tinggi Kementerian.

"Justeru, syarikat memperuntukkan pelaburan besar bagi membangunkan kemudahan PDD ini membabitkan pembelian 19 lori pelbagai saiz yang dilengkapi stesen penyejuk beku dan latihan pekerja bagi mengendalikan produk seperti itu.

"Kami menyasarkan perkhidmatan baharu itu mampu menyumbangkan 10 peratus kepada pendapatan kumpulan, sekali gus menjana lon-



jakan kepada pertumbuhan pendapatan dan keuntungan tahunan," katanya pada sidang media selepas melancarkan PDD di Shah Alam, semalam.

Turut hadir, Pengerusinya, Tun Zaki Azmi dan Penasihat Korporat KPJ Healthcare Bhd, Datin Paduka Siti Sadih Sheikh Bakir.